

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI  
NEGERI SABAH TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sabah Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

**1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain telah ditandatangani pada 20 Jun 2022.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**c. Hal-hal Lain**

- Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Sabah perlu mengambil perhatian kepada perkara berikut:
  - menyelesaikan perbezaan tidak dikenal pasti perekodan antara buku tunai dan penyata bank;
  - menyiasat peningkatan tuntutan kerja pembaikan, penggantian dan penyenggaraan luar jangka di Jabatan Air Negeri Sabah yang tertunggak sejak tahun 2015 hingga 2021 disebabkan ketidakakuran pengurusan bayaran serta kekangan masa dan peruntukan. Perolehan yang tidak mematuhi peraturan kewangan perlu dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 59, iaitu tatacara pembayaran bagi perolehan dengan suci hati; dan

- menyelesaikan tuntutan bayaran pampasan tanah yang tertunggak melibatkan projek jalan raya persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) hingga Kesepuluh (RMKe-10) yang merupakan hak pemilik tanah bagi mengurangkan risiko dari dikenakan tindakan perundangan.

## **1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2021 adalah stabil berdasarkan Matriks Kedudukan Kewangan Tahun 2021.
- Terimaan hasil (termasuk terimaan dalam Kumpulan Wang Pembangunan) pada tahun 2021 berjumlah RM5.726 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM1.909 bilion atau 50% berbanding terimaan hasil berjumlah RM3.817 bilion pada tahun 2020.
- Perbelanjaan mencatatkan peningkatan sebanyak RM57.23 juta atau 1.3% kepada RM4.598 bilion pada tahun 2021 berbanding RM4.541 bilion pada tahun 2020.
- Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih sejumlah RM931.57 juta atau 29.7% menjadikan baki terkumpul meningkat kepada RM4.071 bilion berbanding RM3.140 bilion pada tahun 2020.
- Akaun Amanah Disatukan menunjukkan peningkatan baki debit sebanyak RM446.77 juta atau 231.5% menjadi baki debit sejumlah RM639.77 juta berbanding baki debit sejumlah RM193 juta pada tahun 2020.
- Baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sebanyak RM484.80 juta atau 16.5% kepada RM3.431 bilion berbanding RM2.947 bilion pada tahun 2020.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM1.398 bilion, meningkat sebanyak RM60.72 juta atau 4.5% berbanding RM1.337 bilion pada tahun 2020.
- Pada 31 Disember 2021, jumlah pelaburan ekuiti di syarikat awam dan BBN berjumlah RM6.806 bilion mengikut nilai buku. Jumlah ini meningkat sebanyak RM74.41 juta atau 1.1% berbanding RM6.732 bilion pada tahun 2020.

- i. Baki hutang awam pada tahun 2021 berjumlah RM2.612 bilion berbanding RM2.656 bilion pada tahun 2020, iaitu pengurangan sebanyak RM44.12 juta atau 1.7%.

### **1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri**

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 46 agensi negeri yang terdiri daripada 18 Badan Berkanun Negeri (BBN), 26 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan dua Majlis Agama Islam (MAI).
  - b. Sebanyak 31 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebanyak 12 agensi negeri pula mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2022. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak tiga agensi negeri belum mengemukakan penyata kewangan walaupun telah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan sehingga 31 Julai 2022. Penyata kewangan tersebut ialah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah, Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar, dan Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah.
  - c. Bagi tahun kewangan 2021, sebanyak 26 penyata kewangan agensi negeri telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak dua agensi telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* iaitu Korporasi Pembangunan Desa Sabah dan Majlis Daerah Kinabatangan. Sebanyak empat penyata kewangan agensi negeri iaitu Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Majlis Daerah Beaufort, Majlis Daerah Tuaran dan Majlis Daerah Papar telah diberikan Pendapat Berteguran.
  - d. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak lima daripada 45 penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah. Satu penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan iaitu Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah dikecualikan daripada dibentangkan di DUN Sabah selaras dengan Seksyen 24, Enakmen Perbadanan Baitulmal No. 11 Tahun 1998 (Enakmen 11/1998).
2. Secara keseluruhannya, sebanyak 12 syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Sepuluh syor kepada Kerajaan Negeri Sabah dan dua syor kepada agensi negeri.